MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018

PERKARA : 4(B)(XXIV)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD

2. Nyatakan kos projek AEROB Komposter yang dilaksanakan oleh MPSP dari tahun 2016-2018 bagi menjayakan program baja kompos dan merealisasi Seberang Perai Utara sebagai bandar indah, bersih dan mesra alam.

YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI

2. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak melaksanakan projek AEROB Komposter dari tahun 2016 hingga 2018. Walau bagaimanapun, terdapat projek-projek lain yang dilaksanakan bagi menjayakan program baja kompos dan merealisasi Seberang Perai Utara sebagai bandar indah, bersih dan mesra alam. Antara projek yang dilaksanakan oleh MPSP dengan kerjasama pihak swasta adalah seperti berikut:

(i) Program pengkomposan sisa makanan melibatkan 12 kawasan perumahan berstrata. Sebagai galakan, bekas sisa makanan dibekalkan kepada pihak pengurusan dan pengumpulan sisa makanan akan dibuat oleh pihak pengurusan. Sisa makanan tersebut akan dikutip oleh MPSP secara berjadual dan dihantar ke pusat kompos di Pasar Awam Bagan Ajam;

(ii) Kutipan sisa organik dari sembilan buah pasar dihantar ke Pusat Kompos Bagan Ajam oleh MPSP;

(iii) Kutipan sisa di agensi-agensi swasta seperti kilang dan hotel di kawasan Seberang Perai dihantar ke Pusat Kompos Bagan Ajam oleh MPSP dan Syarikat Shence International (M) Sdn. Bhd;

(iv) Pemprosesan sisa makanan untuk dijadikan baja kompos dengan kos ditanggung oleh Syarikat Shence International (M) Sdn. Bhd. yang mengendalikan Pusat Kompos Bagan Ajam.